

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN OSCAR LING CHAI  
YEW [ SIBU ]**

**TARIKH : 22 MAC 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [ SibU ] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah biasiswa JPA dibatalkan. Senaraikan dengan mengikut kaum pelajar yang terlibat. Berapa jumlah kekosongan biasiswa JPA ke luar negara yang dibatalkan dan senaraikan juga mengikut negara.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penajaan bagi pelajar lepasan Bursary tetap diteruskan pada tahun 2016 bagi mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama di Institusi Pengajian Tinggi dalam negara. Mulai tahun 2016, penajaan JPA difokuskan bagi pengajian di IPT dalam negara bagi menyokong hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kecemerlangan IPT tempatan dan memastikan objektif Malaysia sebagai hab kecemerlangan pendidikan tinggi tercapai. Namun begitu, pemberian biasiswa kepada mana-mana pelajar tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPA.

Sekian, terima kasih.